

## **KENYATAAN MEDIA DARIPADA JAWATANKUASA DEWAN SENIOR, MAJLIS DAKWAH NEGARA**

Yang bersidang pada hari

Sabtu 3 Julai 2021 bersamaan 22 Zulkaedah 1442H

dan yang dihadiri oleh

**Pengerusi** : Prof Emeritus Tan Sri Dr Kamal Hassan

**Timbalan Pengerusi** : Prof. Emeritus Tan Sri Anuwar b. Ali

### **Ahli Jawatan Kuasa :**

Tan Sri Datuk Dr. Zulkarnain b. Haji Awang

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Dr. Zulkifeli b. Mohd Zin (B)

Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin b. Syed Mohd Tahir

Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman

#### **Hubungi kami**

Alamat Emel : [mdn.rasmi@gmail.com](mailto:mdn.rasmi@gmail.com)

Facebook : [Majlis Dakwah Negara - MDN](#)

Laman Web : [www.majlisdakwahnegara.com](http://www.majlisdakwahnegara.com)

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sebagai sebuah Jawatankuasa Kecil dalam pertubuhan dakwah yang bebas daripada pengaruh sebarang parti politik, iaitu Majlis Dakwah Negara (MDN), yang prihatin mengenai situasi agama, masyarakat dan negara Malaysia masa kini, maka Dewan Senior merasa terpanggil untuk menyuarakan kepada umum peringatannya berkaitan dengan situasi umat Islam di Malaysia masa kini yang sedang ditindih oleh pandemik COVID-19 dan krisis politik yang serius sejak beberapa tahun belakangan seperti berikut;

### **MUKADDIMAH**

Dengan keyakinan bahawa krisis yang melanda masyarakat dan negara Malaysia masa kini bukan sekadar krisis kesihatan awam, krisis ekonomi atau krisis politik, tetapi juga krisis moral dan etika, atau dengan kata lain, krisis keruntuhan budi; dan diiringi dengan perasaan amat kecewa atas ketandusan nilai-nilai murni seperti kejujuran, keikhlasan, kesopanan, kesantunan, dan tawaduk dalam dunia politik dan dunia siber, maka Dewan Senior ingin menegaskan betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia ini menghidupkan semula budaya masyarakat madani yang beradab dalam berkomunikasi dan berinteraksi sesama manusia atau antar-parti, mengikut tatasusila dan adab-adab yang luhur, disamping mencegah penggunaan bahasa kasar, caci maki, fitnah memfitnah yang manjatuhkan maruah agama, bangsa dan negara. Marilah kita sama-sama menghayati akhlak yang mulia, budi pekerti yang murni dan amalan tatakelola serta urus-tadbir yang berintegriti dan telus dalam membangun masyarakat dan negara.

Setelah Dewan Senior MDN;

**MENINJAU:**

A) Gejala perpecahan umat Islam Malaysia yang parah sejak beberapa tahun belakangan, dan

B) Berterusannya budaya fitnah memfitnah dan cela mencela secara terbuka yang memalukan, dan,

**MENGINGATI:**

perintah Allah SWT,

a) agar umat Islam berpegang teguh dengan “TALI ALLAH” dan TIDAK BERPECAH BELAH,

b) agar umat Islam bantu membantu dan berkerjasama tanpa mengira perbezaan politik atau kaum, dan

c) perlunya ada pihak ketiga yang secara ikhlas cuba memperbaiki hubungan yang tegang antara dua pihak umat Islam yang bersengketa, dan

d) dengan keyakinan bahawa perpecahan umat Islam adalah satu malapetaka yang bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam dan tuntutan Ilahi, tetapi boleh menyebabkan terhindarnya keberkatan dan pertolongan ilahi dan

**MENYEDARI:**

bahawa dua daripada DASAR UTAMA MDN adalah “Menjunjung kedaulatan Raja-raja Melayu” dan “Memangkin perpaduan ummah”

maka Dewan Senior MDN;

## MENYERU

1. Agar semua parti politik dan pemimpin politik beragama Islam menerima baik dengan sepenuh kerelaan hati, gesaan rasmi yang dibuat oleh **Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** dan Majlis Raja-Raja pada 16 Jun 2021, serta titah terakhir yang dibuat oleh **Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** pada 30 Jun 2021, demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia.
2. Agar parti politik dan ahli politik beragama Islam meletakkan prinsip kerjasama, rekonsiliasi antara parti, tolong menolong dan baik sangka, **MENGATASI BUDAYA PERSAINGAN DAN PERSETERUAN** yang sengit dalam keadaan kehidupan rakyat semakin terancam dan terhimpit oleh pandemik COVID-19 yang terus mengganas.
3. Agar parti-parti politik orang Islam dan pihak yang berkuasa yang beragama Islam memberikan keutamaan yang sewajarnya kepada penyelesaian masalah penderitaan rakyat **kerana kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan** serta kepentingan kestabilan negara yang **MENGATASI** kepentingan parti atau kelompok tertentu, kerana tindak tanduk dan perlakuan politik individu atau parti tidak akan terlepas daripada penanggungjawaban di hadapan Allah SWT di Hari Pembalasan di alam Akhirat nanti.
4. Agar kuasa politik dijadikan sebagai:
  - A) Suatu alat yang ampuh bagi membasmi budaya rasuah dan prilaku tak beretika dalam institusi-institusi pemerintah, dan sebagai
  - B) Alat pemersatu umat dan negara, bukan alat untuk memanjangkan perseteruan atau melebarkan jurang kepercayaan antara kaum atau intra kaum.

5. Agar pemimpin negara dan parti-parti politik orang Islam tidak akan terpengaruh dengan strategi licik dan taktik halus negara Zionis Israel untuk mengadakan hubungan diplomatik atau normalisasi politik dengannya, sebagaimana yang telah berjaya dilakukan rejim Zionis di **Timur Tengah**.

وبالله التوفيق والصداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam hormat,

Prof. Emeritus Tan Sri Kamal Hassan  
Pengerusi  
Dewan Senior Majlis Dakwah Negara

